

24 OCT 1998

Amaran

KSN ULANGI AMARAN JANGAN SERTAI REFORMASI

KUCHING, 24 Okt (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali mengulangi amaran kepada pegawai kerajaan supaya tidak menyertai mana-mana kegiatan reformasi.

Beliau berkata sebagai pegawai perkhidmatan awam mereka seharusnya patuh melaksanakan dasar dan program pembangunan yang ditetapkan kerajaan.

"Terdapat pegawai kerajaan, yang ditahan polis kerana menyertai gerakan reformasi, berikutan tidak setuju dengan pemecatan bekas timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya di majlis makan malam yang dihadiri oleh ketua-ketua jabatan dan agensi persekutuan di sini malam tadi, sempena lawatan tiga hari beliau ke Sarawak.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Hamid Bugo dan Setiausaha Persekutuan Sarawak Dato' Megat Muhaiyaddin Megat Hassan.

Beliau berkata kakitangan awam mempunyai tanggungjawab yang lebih komited ketika ini, terutamanya untuk memulihkan kegawatan ekonomi.

"Usaha hendaklah ditumpukan sepenuhnya untuk mencapai objektif pertumbuhan satu peratus pada tahun depan, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika membentangkan Belanjawan 1999 di Parliamen semalam," katanya.

-- BERNAMA

OPP RI